

UMP, IIM bina budaya integriti

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) melalui Pusat Integriti dan Tadbir Urus Korporat Fakulti Pengurusan Industri (FGIC) tampil mengorak langkah bekerjasama dengan Institut Integriti Malaysia (IIM) menganjurkan program kesedaran bagi membina budaya integriti dan tadbir urus korporat dalam kalangan rakyat setempat khususnya di Pantai Timur.

Penganjuran program itu bertepatan pada masanya tatkala negara berdepan dengan pelbagai isu-isu membabitkan kes berkaitan salah laku organisasi dan lain-lainnya yang boleh memberikan impak

negatif kepada imej negara.

Dalam usaha ini, UMP yang mendapat peruntukan dana daripada Yayasan Pahang untuk menguruskan FGIC menganjurkan persidangan pada bulan Aprillalu yang mana berjaya mengumpulkan sejumlah besar penjawat awam, para akademik dan pengamal industri untuk mengupas isu itu.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif IIM, Datuk Dr Anis Yussal Yusoff berkata, pensyarah muda juga boleh menggunakan Perpustakaan IIM sebagai usaha munni dalam merealisasikan hasrat Malaysia mencapai tahap integriti yang lebih baik.



Dr Anis Yussal (empat, kiri) bersama pengurusan universiti yang menjayakan program Wacana bertajuk "Merencana ke arah Negara Berintegriti - IIM sebagai Wadah".

"IIM dan PGIC juga boleh bekerjasama dalam bidang penyelidikan di samping menawarkan khidmat pegawai-pegawai di IIM untuk bertindak sebagai penyelia lapangan bagi pelajar kedoktoran (PhD)

dan Sarjana (Master) dengan melakukan penyelidikan dalam tajuk yang sama," katanya pada sesi dialog bersama dengan tenaga pengajar muda dari Fakulti Pengurusan Industri (FIM), kelmarin.